

# Sekolah kluster lonjak kecemerlangan

um - 4/7/2007.

**KUALA LUMPUR** 3 Julai – Pemilihan 30 sekolah cemerlang sebagai sekolah kluster merupakan salah satu usaha penting kerajaan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan negara.

Dalam usaha melonjakkan kecemerlangan sekolah-sekolah berkenaan, sebuah Jawatankuasa Panel Penasihat yang terdiri daripada 11 ahli panel yang pakar dalam pelbagai bidang telah ditubuhkan.

Jawatankuasa tersebut berperanan untuk memastikan pemilihan sekolah cemerlang dibuat secara telus dan mempunyai kredibiliti.

Perkara itu terkandung dalam Kad Laporan berhubung Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PI-PP) yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hisammuddin Tun Hussein di sini hari ini.

Lembaga Penasihat itu juga telah mengambil inisiatif untuk melihat contoh di negara lain dalam usaha memantapkan lagi program kluster itu.

Sekolah-sekolah tersebut telah mengenal pasti 'niche areas' tersendiri dan merupakan sekolah yang dirasakan terbaik dan mampu dijadikan contoh di kalangan jenis sekolah masing-masing.

Di samping itu, dalam memastikan kepimpinan di peringkat sekolah terus perkasa agar mampu melaksanakan agenda, KPM telah merangka usaha sama dengan universiti-universiti terkemuka di dunia bagi mengadakan latihan dan kursus untuk Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat.

Antaranya ialah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan King's College London pada 30 Mac 2007 bagi menjalin kerjasama dalam melaksanakan program latihan kepimpinan kepada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah cemerlang.

Mereka yang telah dipilih akan mengikuti latihan kepimpinan dan ditempatkan secara sandaran di sekolah-sekolah di Britain selama dua bulan mulai Oktober 2007.